

11 MAY 2002

BSKL-MINGGUAN/I

BSKL MUNGKIN CENDERUNG KE ARAH MENINGKAT MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menunjukkan prestasi yang cenderung ke arah meningkat minggu depan selepas pengukuhan minggu ini manakala penyenaaraian PLUS memberi rangsangan kepada sentimen.

Sekali lagi tumpuan mungkin diberikan kepada saham-saham berharga lebih murah serta saham syarikat-syarikat dalam kumpulan Renong (antaranya PLUS), tetapi penganalisis berpendapat bahawa prestasi muram di Wall Street mungkin memberi tekanan kepada sentimen tempatan.

"Sehinggalah bursa New York itu bertapak kukuh, pelabur-pelabur mungkin menggunakannya sebagai alasan untuk tidak membeli dan ini mungkin menghalang peningkatan yang berlaku baru-baru ini daripada berulang," katanya.

Suatu perkara yang mungkin dianggap memberangsangkan minggu depan ialah lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Amerika Syarikat yang mungkin menghasilkan hubungan Malaysia-AS yang lebih baik dan berikutan itu, meningkatkan jumlah pelaburan Amerika ke Malaysia.

Bagaimanapun, kata beliau, pelabur-pelabur mungkin enggan memasuki pasaran sementara menunggu pengumuman keputusan korporat bulan ini.

Tumpuan minggu ini adalah terhadap saham-saham lebih murah dan kaunter-kaunter kegemaran semasa, manakala syarikat-syarikat dalam kumpulan Renong juga diniagakan dengan cergas ekoran desas-desus bahawa kerajaan mungkin mempercepatkan penjualan aset-aset utama menjelang penyenaaraian PLUS, dalam tahun ini nanti.

Berbanding minggu lalu, Indeks Komposit yang menjadi tumpuan perhatian minggu ini, turun 6.12 mata kepada 788.54 daripada 794.66 ketika ditutup minggu lalu, manakala pasaran pada umumnya berada pada tahap pengukuhan setelah meningkat baru-baru ini.

Indeks Komposit melepasi tahap psikologi 800 mata dalam dagangan awal hari Khamis tetapi percubaan untuk mengekalkannya pada tahap melebihi 800 mata gagal kerana ia terpaksa tunduk kepada kegiatan mengambil untung.

Indeks Emas susut 0.91 mata dan ditutup pada 192.53, Indeks Perusahaan turun 1.64 mata kepada 1,507.42, dan Indeks Papan Kedua merosot 1.79 mata kepada 137.96.

Renong merupakan kaunter paling cergas. Ia menokok sesen kepada RM1.14 dengan 91.469 juta saham diniagakan, diikuti oleh Kamunting yang menambah dua sen kepada 98 sen dengan 62.085 juta saham, Amcorp kekal pada RM1.58 dengan urus niaga berjumlah 42.458 juta saham, TRI turun empat sen kepada RM2.42 (35.346 juta saham) dan Naluri jatuh enam sen kepada RM1.76 (29.139 juta saham).

Jumlah dagangan di Papan Utama meningkat kepada 1.485 bilion saham bernilai RM2.939 bilion berbanding 1.327 bilion saham bernilai RM2.696 bilion sebelumnya.

Di Papan Kedua, jumlah dagangan bertambah kepada 170.745 juta saham bernilai RM319.77 juta berbanding 147.967 juta saham bernilai RM284.416 juta.

Di Mesdaq jumlah dagangan mengecil kepada 14.078 juta bernilai RM6.025 juta berbanding 26.459 juta saham bernilai RM12.085 juta.

Urus niaga luar pasaran susut kepada 194.154 juta saham bernilai RM994.2 juta daripada 646.717 juta saham bernilai RM1.763 bilion.

Berdasarkan sektor, barangan pengguna menguasai 38.71 juta saham yang diniagakan di Papan Utama BSKL, barangan perusahaan 83.933 juta, pembinaan

171.478 juta, dagangan/perkhidmatan 415.127 juta, teknologi 12.98 juta, prasarana 9.03 juta, kewangan 135.974 juta, hotel 52.657 juta, harta 181.486 juta, perladangan 34.112 juta, perlombongan 6.15 juta, amanah 203,000, dana tertutup 966,000, pinjaman 33.489 juta, TSR/Waran 292.772 juta, PN4 Condition 13.516 juta dan Dagangan Hak 3.344 juta. -- BERNAMA  
LES MR KY NHD